

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 4 TAHUN 2023

**PELANJUTAN TEMPOH MASA BAGI PENDAFTARAN KELULUSAN
PINDAHMILIK DI BAWAH SEKSYEN 13A ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930,
SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938, SEKSYEN 120 , 214A
DAN 433B KANUN TANAH NEGARA 1965**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 10/2023 yang bersidang pada 17 Mei 2023 telah membuat keputusan sebagaimana berikut:

1. Tempoh sah sijil kebenaran bagi pendaftaran kelulusan pindahmilik di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930, Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938, Seksyen 120 , 214A dan 433B Kanun Tanah Negara 1965 dilanjutkan dari empat (4) bulan kepada satu (1) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan;
2. Setelah berakhirnya tempoh satu (1) tahun tersebut, permohonan semula hendaklah dibuat dan dikenakan bayaran seolah-olah ianya adalah satu permohonan baru. Kuasa melulus diberikan perwakilan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan di bawah Seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956 dan Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 bagi tujuan memberikan kelulusan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930, Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938, Seksyen 120 , 214A dan 433B Kanun Tanah Negara 1965.
3. Keputusan ini adalah terpakai kepada semua sijil kelulusan yang masih belum didaftarkan.
4. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 14/2015 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 6/2017 adalah dengan ini dibatalkan.

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3,KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.1/2/24.
BERTARIKH : 12 Jun 2023/23 Zulkaedah 1444H.